



TALKING POINTS

**YB ADLY BIN ZAHARI
TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN**

**MAJLIS : PROGRAM PEMERKASAAN USAHAWAN VETERAN
ATM (PUVET ATM)**

PADA : 7 OKTOBER 2023 (SABTU)

JAM : 10.50 PAGI

**TEMPAT : SYMPHONY SUITES HOTEL
NO. 41, LAPANGAN SYMPHONY BUSINESS PARK
JALAN LAPANGAN SYMPHONY, IPOH, PERAK**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

(BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM)

الحمد لله رب العالمين وصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين

وعلى آله وصحبه أجمعين

(ALHAMDULILLAHIROBBIL 'ALAMIN, WASSOLATU WASSALAMU 'ALA ASROFIL AMBIYA IWAL MURSALIN WA'ALA ALIHI WASOHBHI AJ MA'IN)

Segala Puji Dan Syukur Dipanjatkan Ke Hadrat Allah Subhanahu Wata'ala Tuhan Sekalian Alam Serta Selawat Dan Salam Ke Atas Junjungan Kita Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wasallam, Para Sahabat Dan Keluarga Baginda.

(SENARAI SALUTASI AKAN DILAMPIRKAN OLEH PERHEBAT)

1. Kerajaan Madani hari ini telah menyatakan komitmen dan sokongan penuh kepada inisiatif pemeraksanaan sosioekonomi veteran ATM, seperti yang disuarakan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim pada Program Pemeraksanaan Usahawan Veteran ATM atau PUVET ATM di Kuala Lumpur pada 31 Julai lalu yang menghimpunkan sekitar 1,000 veteran.
2. Ia selari dengan aspirasi Kementerian Pertahanan yang terus prihatin dan komited untuk melestarikan sosioekonomi veteran ATM. Justeru, PUVET ATM yang dilaksana melalui PERHEBAT, memfokuskan kepada pemeraksanaan veteran dalam **kerjaya kedua dan keusahawanan**.
3. Agenda ini sejajar dengan **Strategi Peningkatan Taraf Sosioekonomi Veteran ATM** bagi membantu veteran dalam kelompok B40 untuk meningkatkan taraf hidup mereka.

PELAKSANAAN PUVET ATM

4. PUVET ATM dicetuskan berdasarkan Kajian Kecenderungan Kerjaya Pelatih yang dijalankan oleh PERHEBAT, mendapati sekitar 82.6% anggota berhasrat menjalankan perniagaan, manakala 17.4% pula berminat untuk bekerja secara bermajmukan.
5. PUVET ATM berperanan sebagai **Pemudahcara** dan **Penghubung** untuk mengenalpasti dan menyalurkan insentif keusahawanan yang merangkumi **khidmat kepakaran, fasiliti, geran dan latihan** yang diperlukan oleh Usahawan Veteran ATM untuk memajukan perniagaan mereka.
6. Inisiatif ini adalah **kolaborasi rentas kementerian** di antara Kementerian Pertahanan bersama Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi serta Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).
7. Setakat ini, PUVET ATM telah diadakan di Port Dickson, Negeri Sembilan, Wisma Perwira, Kuala Lumpur dan Kuantan, Pahang. Hari ini ia diadakan khusus untuk Veteran ATM di negeri Perak.
8. Sejak dilaksana pada Julai – Oktober ini, seramai **37 Usahawan Veteran ATM telah menerima geran** keseluruhan berjumlah **RM185,000.00** menerusi inisiatif Sokongan Pengukuhan Keusahawanan Luar Bandar (SPKLB), KKDW. Ianya termasuk 17 veteran di negeri Perak yang akan menerima geran tersebut sebentar lagi.
9. Menerusi inisiatif ini, veteran ATM telah menerima manfaat seperti pepadanan perniagaan atau *business matching*, akses terus kepada insentif keusahawanan seperti fasiliti, latihan dan konsultasi serta pembiayaan perniagaan yang disediakan agensi seperti TEKUN Nasional, Affin Bank, Agro Bank, Bank Muamalat, PERKESO, Jabatan Pertanian, Universiti Putra Malaysia dan MARA.

10. Antara pengisian lain, program PUVET ATM turut berperanan memberi motivasi kepada veteran menerusi Dialog dan Ceramah bersama ikon dunia perniagaan.

IWAY FORWARD PUVET ATM

11. PUVET ATM akan terus menjelajah ke seluruh negara bagi mengenalpasti dan memadankan bentuk bantuan dan bimbingan keusahawanan yang diperlukan oleh veteran.
12. Pada tahun 2024, Kementerian **mensasarkan seramai 200 usahawan** veteran ATM akan cuba dipadankan sebagai penerima geran.
13. Bagi memastikan manfaat program ini dapat dinikmati sepenuhnya, **skop kerjasama rentas kementerian dan agensi akan diperluaskan** bersama Kementerian Ekonomi serta beberapa agensi yang dapat membantu veteran dalam aspek pembungkusan, penjenamaan dan pemasaran.
14. PERHEBAT juga sedang dalam proses untuk **memeterai MoU bersama Agro Bank** bagi menyediakan Skim Pembiayaan Mikro berdasarkan konsep Islam khusus untuk veteran ATM dengan kadar keuntungan pembiayaan yang amat kompetitif dalam pasaran.
15. Dengan segala usaha yang direncanakan ini, adalah diharap, veteran terus untuk merebut peluang-peluang yang disediakan menerusi PUVET ATM dan inisiatif lain yang dibuat oleh Kementerian dan agensi-agensi lain agar dapat memajukan lagi perniagaan seterusnya meningkatkan sosioekonomi.

PEMANTAUAN KERJAYA KEDUA VETERAN ATM

16. PERHEBAT yang berperanan sebagai *Enabler* kerjaya kedua veteran akan memantau kemajuan usahawan-usahawan veteran yang terlibat di dalam inisiatif ini.
17. Sehingga kini, PERHEBAT telah melatih dan memantau 22,398 veteran yang tamat Latihan Peralihan dalam tempoh 5 tahun iaitu dari tahun 2018 sehingga 2022.
18. Daripada 11,619 orang yang dihubungi, seramai 7,891 veteran (68%) telah bermajikan, bekerja sendiri dan memilih untuk menjadi usahawan.
19. Di **Perak**, PERHEBAT sedang memantau **2,453** veteran yang tamat Latihan Peralihan dalam tempoh 5 tahun iaitu dari tahun 2018 sehingga 2022. Hasilnya, daripada 947 orang yang berjaya dihubungi:
 - Seramai **543** veteran terlibat dalam **perniagaan**
 - **141** veteran bekerja bermajikan
 - **263** veteran masih belum mempunyai kerjaya kedua atas pelbagai faktor
20. Saya menyarankan veteran untuk terus berhubung dengan PERHEBAT. Hasil pemantauan ini amat penting agar data tuan/puan dapat dianalisa oleh Kementerian Pertahanan dalam usaha untuk membantu veteran memperoleh kerjaya kedua setelah tamat perkhidmatan.

PENUTUP

21. Setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.
22. Terima kasih juga kepada pihak MARA, Jabatan Pertanian, TEKUN Nasional, Affin Bank, Agro Bank, Bank Muamalat, PERKESO, Universiti Putra Malaysia dan semua rakan strategik yang telah memberikan komitmen yang amat signifikan terhadap inisiatif PUVET ATM.
23. Akhir kata, saya berharap kerjasama erat ini akan dapat diteruskan dalam siri PUVET ATM pada masa hadapan demi kelestarian ekonomi Veteran ATM.

**SEKIAN, WABILAAHITAUIQ WALHIDAYAH WASSALAAMUALAIKUM
WARAHMATULLAAHI WABARAKAATUH.**

-TAMAT-